



## PEMBERITAHUAN

### PENUTUPAN SEMENTARA IBU PEJABAT DAN BANGUNAN LAMA MCMC CYBERJAYA

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) ingin memaklumkan kepada orang ramai dan pihak berkepentingan bahawa Ibu Pejabat dan Bangunan Lama MCMC di Cyberjaya akan ditutup selama dua hari iaitu pada hari Khamis 5 Mac dan Jumaat 6 Mac 2020.

Perkhidmatan kaunter pembayaran penguntukan radas di ibu pejabat MCMC juga akan digantung buat sementara waktu bermula daripada 4 Mac sehingga 8 Mac 2020.

Tindakan penutupan dan penggantungan sementara ini diambil sebagai langkah proaktif ekoran penularan wabak Covid-19 dan ia mencerminkan keprihatinan MCMC terhadap keselamatan serta kesihatan semua pihak.

Orang ramai masih boleh membuat urusan permohonan dan pembayaran penguntukan radas melalui saluran-saluran seperti di bawah:

- a. Permohonan penguntukan radas:
  - i. Permohonan boleh dikemukakan secara elektronik melalui <https://espectra.mcmc.gov.my/>; atau
  - ii. Bagi pemohon baharu, salinan *scan copy* borang permohonan yang telah dilengkапkan boleh dihantar melalui e-mel kepada [espectra.support@mcmc.gov.my](mailto:espectra.support@mcmc.gov.my)
- b. Pembayaran penguntukan radas boleh dibuat melalui portal pembayaran <https://epayment.skmm.gov.my>

Bagi sebarang pertanyaan lanjut berkenaan permohonan penguntukan radas atau permohonan lesen boleh dikemukakan kepada:

- i. Penguntukan radas: : [espectra.support@mcmc.gov.my](mailto:espectra.support@mcmc.gov.my)
- ii. Pelesenan: [licensing@mcmc.gov.my](mailto:licensing@mcmc.gov.my)

Sementara itu, operasi MCMC yang lain berjalan seperti biasa dengan kakitangan MCMC bekerja dari rumah.

Untuk pertanyaan lanjut sila hubungi Pengarah Kanan Bahagian Komunikasi Strategik, Shirley Tan di talian 019 3000 867 atau e-mel ke [scd@mcmc.gov.my](mailto:scd@mcmc.gov.my). Segala kesulitan amat dikesali.